



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) menerangkan sesuatu kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di satu upacara mengadap, seurus sesudah Istiadat mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia bagi Menteri-menteri serta Timbalan mereka di Istana Negara.

Menteri dan Timbalan angkat sumpah

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Empat puluh lima orang Menteri dan Timbalan Menteri mengangkat sumpah jawatan di depan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara di sini, hari ini.

Istiadat itu yang berlangsung di Dewan Singgahsana di mulakan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengangkat sumpah jawatan.

Ini berlangsung tiga minit selepas keberangkatan masuk Seri Paduka ke dewan diiringi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tepat jam 2.15 petang.

Selepas melafazkan ikrar sumpah jawatan, Datuk Musa mara ke singgahsana, tunduk menyembah dan mengucup tangan Seri Paduka.

Datuk Musa kemudian berundur dan menandatangani dokumen-dokumen sumpah jawatan dilaksanakan oleh Pemangku Ketua Hakim Negara, Raja Tan Sri Azlan Shah dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman, keduanya di kiri singgahsana.

Datuk Seri Dr. Mahathir duduk di

sebelah kanan singgahsana dalam dewan itu.

Selepas Datuk Musa, para Menteri mengadap dalam kumpulan berempat atau berlima untuk mengangkat sumpah jawatan di depan Seri Paduka.

Kumpulan pertama, seramai empat orang terdiri dari Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Kabinet Am, Datin Paduka Aishah Ghani, Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hul.

Empat orang lagi Menteri dalam kumpulan kedua ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan dan Menteri Kemajuan Tanah dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad.

Tengku Ahmad Rithauddeen, bekas Menteri Luar, baru kembali malam tadi dari New York kerana mengetuai perwakilan Malaysia menghadiri sidang antarabangsa mengenai Kampuchea.

Kumpulan ini diikuti oleh empat orang lagi Menteri iaitu Datuk Mohamed Rahmat (Penerangan), Datuk Richard Ho (Buruh dan Tenaga Rakyat), Datuk Haji Mohamed Nasir (Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Paul Leong (Perusahaan Utama).

Dua orang Menteri baru, Datuk Abdullah Haji Ahmad (Jabatan Perdana Menteri) dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Jundir mengangkat sumpah dalam kumpulan keempat bersama tiga orang Menteri lain.

Mereka bertiga ialah Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Haji Othman Rauf.

Sebelum ini kumpulan yang mengangkat sumpah ialah Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, Menteri Kerjasama dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar, Hashim dan Menteri Perumahan dan

Istiadat berlangsung di Dewan Singgahsana

DARI MUKA 1

Kerajaan Tempatan, Datuk Lr. Neo Yee Pan.

Kumpulan pertama lima orang Timbalan Menteri yang mengangkat sumpah terdiri dari Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa (Jabatan Perdana Menteri), Datuk Chan Siang Sun (Pelajaran), Dr. Goh Cheng Telk (Jabatan Perdana Menteri), Encik Edmund Langgu Anak Saga (Pertanian) dan Datuk K. P a t h m a n a b a n (Kesihatan).

Kumpulan seterusnya terdiri dari dari Abang Abu Bakar Datuk Bandar Abang Haji Mustapha (Pertahanan), Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik (Dalam Negeri), Encik Bujang Haji Ullis (Perusahaan Utama), Datuk Abdul Jalal Haji Abu Bakar (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan Encik Idris Rauf (Wilayah Persekutuan).

Keseluruhan istiadat di Dewan Singgahsana berlangsung selama 50 minit dan berakhir tepat jam 3.05 minit.

Mufti Istana Negara, Haji Shahir Daud membaca doa selamat tanda penutup istiadat.

Sejurus kemudian, di Dewan Mengadap, satu lagi istiadat ringkas berasingan diadakan di mana para Menteri dan Timbalan Menteri bergilir-gilir mengadap Seri Paduka.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam yang juga Menteri Dalam Negeri, mengiringi Seri Paduka.



Lima orang lagi Timbalan Menteri melafazkan ikrar Sumpah Jawatan dan Tsat Setia serta Menyimpan Rahsia di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

Dari kanan, Datuk Abdul Jalal Haji Abu Bakar (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Encik Bujang Haji Ullis (Perusahaan Utama), Datuk Haji Suhalmi bin Datuk Haji Kamaruddin (Pelajaran), Datuk Abu Hassan bin Haji Omar (Pengangkutan) dan Datuk Shahhir Abdul Samad (Perdagangan dan Perindustrian).

Hadir sama di kedua-dua istiadat itu ialah Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dan Panglima Angkatan Tentera, General Tan Sri Mõhamed Ghazali Datuk seth.

Turut hadir ialah Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Ismail Khan. — Bernama.